



AmBank Group

SIARAN MEDIA

AMMB MUKTAMADKAN JUALAN PERNIAGAAN INSURANS AM

KUALA LUMPUR (Jul 28, 2022) – Anak syarikat yang dimiliki 51 peratus oleh AMMB Holdings Berhad (“AMMB”), AmGeneral Holdings Berhad (“AGHB”) hari ini mengumumkan bahawa ia telah berjaya memuktamadkan penjualan anak syarikat milik penuh, AmGeneral Insurance Berhad (“AGIB”), kepada Liberty Insurance Berhad (“LIB”). Ini adalah susulan daripada penerimaan kelulusan kawal selia oleh Menteri Kewangan dan penandatanganan perjanjian jual beli saham dengan LIB.

Berikutan penyempurnaan perjanjian tersebut, LIB telah memperoleh 100 peratus saham AGIB, yang sebelum ini 51 peratus dimiliki oleh AMMB dan 49 peratus dimiliki oleh Insurance Australia Group, untuk pertimbangan pembelian utama berjumlah RM2.29 bilion. Sebagai sebahagian daripada perjanjian jualan, AMMB telah menerima wang tunai berjumlah RM287 juta dan 30 peratus kepentingan dalam AGIB dan LIB yang bernilai RM939 juta.

Sebagai sebahagian daripada urusan niaga itu, AMMB telah memeterai kerjasama bankasurans baharu selama 20 tahun bagi pengedaran produk insurans am. Operasi AGIB dan LIB akan digabungkan secara rasmi pada tarikh berikutnya, di mana entiti gabungan itu dijangka menjadi pembekal insurans am yang tersohor dan juga pembekal insurans kenderaan terbesar di Malaysia.

Issued by Media Relations Unit, Group Corporate Communications & Marketing, AmBank Group
Level 21, Bangunan AmBank Group, 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur

☎ 03-2036 1703

🌐 ambankgroup.com

📘 AmBank

📷 [ambankmy](https://www.instagram.com/ambankmy)

🐦 AmBankMY

Customer Care:

☎ 03-2178 8888

✉ customer-care@ambankgroup.com



AmBank Group

SIARAN MEDIA

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AMMB, Dato' Sulaiman Mohd Tahir berkata, "Kami sememangnya berbesar hati dengan penyempurnaan penjualan perniagaan insurans am ini kepada Liberty Mutual Insurance. Sebagai rakan kongsi strategik, kami berharap dapat menjalinkan kerjasama dengan mereka, dan kami juga yakin bahawa menerusi usahasama ini, kami akan lebih bersedia dalam memberikan perkhidmatan kepada pelanggan dan juga rakan kongsi perniagaan kami dengan penyelesaian insurans yang inovatif."

Berpangkalan di Kuala Lumpur, LIB disokong oleh 450 warga kerja dari enam pejabat serantau dan 24 cawangan di seluruh negara. Syarikat ini menawarkan produk insurans peribadi, komersial dan produk lain melalui saluran yang luas termasuk 2,000 ejen insurans, pemegang francais, pengedar kereta dan rakan kongsi bankasurans. LIB bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan yang mudah dan tanpa kerumitan yang boleh diakses dengan mudah dari mana sahaja.

About AmBank Group

AmBank Group is a leading financial services group with over 40 years of expertise in supporting the economic development of Malaysia. We have over three million customers and employ over 9,000 people.

The Group was listed on the Main Market of Bursa Malaysia in 1988. It is the sixth-largest banking group by assets in Malaysia, with a market capitalisation of more than RM12 billion as at 31 March 2022.

AmBank Group serves over three million individual and corporate customers. It provides services in wholesale banking, retail banking, business banking, investment banking and related financial services which include Islamic banking, underwriting of general insurance, stock and share broking, futures broking, investment advisory and management services in assets, real estate investment trust and unit trusts.

For more information, please visit www.ambankgroup.com

For further information, please contact Ridzuan Zulkifli, Senior Vice President, Group Corporate Communications and Marketing, AmBank Group at ridzuan.zulkifli@ambankgroup.com

Issued by Media Relations Unit, Group Corporate Communications & Marketing, AmBank Group
Level 21, Bangunan AmBank Group, 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur

☎ 03-2036 1703

🌐 ambankgroup.com

📘 AmBank

📷 [ambankmy](https://www.instagram.com/ambankmy)

🐦 AmBankMY

Customer Care:

☎ 03-2178 8888

✉ customer care@ambankgroup.com